

Pularek: Kontraktor berwibawa dipilih

BH 1 8 AUG 2000

Oleh Abdul Razak Raaff

JOHOR BAHRU, Khamis – Kementerian Kerja Raya hanya memilih kontraktor yang mempunyai pekerja berkemahiran tinggi bagi membaiki semua bahagian bangunan Pusat Latihan Tentera Laut Diraja Malaysia (Pularek) di Tanjung Pengelih, Kota Tinggi, yang sudah dibaiki tetapi belum memuaskan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pada masa ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang membuat pemilihan terhadap lima kontraktor sebelum melantik kontraktor berwibawa bagi melaksanakan kerja berkenaan.

Pelantikan kontraktor terbabit akan dilakukan dalam masa terdekat berikutan Kabinet sudah meluluskan peruntukan tambahan RM13 juta untuk kerja membaiki pulih dan menyelenggara bangunan Pularek.

Bagaimanapun, beliau akan mengadakan lawatan ke Pularek sebelum kontraktor yang bertanggungjawab mengendalikan kerja membaiki pulih itu memulakan kerjanya.

“Saya perlu mengadakan lawatan ke Pularek bagi memastikan kontraktor yang akan melaksanakan tugas tidak mengulangi

“

Saya perlu mengadakan lawatan ke Pularek bagi memastikan kontraktor yang akan melaksanakan tugas tidak mengulangi perkara yang sama

”

– Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu

perkara yang sama dan tidak lagi menimbulkan sebarang masalah berbangkit.

“Sebab itu kita hanya memilih kontraktor yang mempunyai pekerja berkemahiran tinggi bagi memastikan mutu pembinaan kontraktor memuaskan,” katanya selepas upacara pecah tanah Sekolah Kebangsaan Tamil Ladang Tone, Hing, di Masai, dekat sini, hari ini.

Pada April tahun lalu, isu Pularek mendapat perhatian media selepas projek kerajaan bernilai RM195 juta membabitkan keluasan 74.5 hektar, mengalami kerosakan teruk termasuk bumbung auditorium yang dibina runtuh, serta keretakan bangunan lain.

Lima kontraktor yang

dilantik untuk pembinaan bangunan dalam pusat latihan itu kemudian diarah membaiki pulih semua kerosakan membabitkan pakej masing-masing.

Kerja membaiki pulih itu termasuk mengganti lantai baru, mengecat semula dan menyediakan kemas-an lebih bermutu.

Bagaimanapun, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam lawatan ke Pularek Jun lalu, mendapati kerosakan yang dibaik pulih itu masih belum memuaskan selain mengesan beberapa kerosakan lain.

Selain itu, Samy Vellu akan mengadakan pertemuan dengan Persatuan Kontraktor-Kontraktor Melayu bagi membincangkan rayuan Syarikat Marimas Sdn Bhd, kontraktor

yang membina Pusat Latihan Rekrut (Pularek), yang mengalami kerosakan sebelum dapat digunakan.

Katanya, syarikat itu membuat rayuan menerusi persatuan itu termasuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas kerajaan mengambil tindakan membatalkan kontrak dan kerja syarikat berkenaan.

Beliau berkata, tindakan lain diambil terhadap syarikat itu ialah membatalkan lesen pendaftaran serta menyenaraihitam ahli lembaga pengarahnya.

Syarikat Marimas terbabit dalam skop pembinaan meliputi kerja-kerja pakej empat iaitu kerja mereka bentuk, membina dan menyiapkan bangunan ketenteraan dengan kontrak bernilai RM25,471,016.

“Mereka (syarikat) mohon supaya tidak dikenakan tindakan sedemikian menerusi persatuan kontraktor itu,” katanya.

Sehubungan itu, Samy Vellu menasihatkan kontraktor Bumiputera yang mendapat kontrak projek kerajaan supaya melaksanakan kerja dengan serius dan komitmen tinggi.